


Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/10/2011

Pemilik manuskrip Negeri-Negeri Selat mahu harga tinggi

Dokumen bersejarah akan dijual



R. MANI menunjukkan manuskrip lama yang menyatakan surat rasmi oleh John Anderson semasa ditemui di rumahnya. di Limbungan. Melaka, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL

Oleh RIZANIZAM ABDUL HAMID
utusanmelaka@utusan.com.my

MELAKA 3 Okt. - Setelah lebih lima dekad menyimpan manuskrip berusia 183 tahun yang diwarisi bapanya, seorang pengumpul manuskrip lama, R. Mani, 56, berhasrat menjual bahan bersejarah itu.

Mani berkata, sejak menyimpan manuskrip mengenai Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 itu, pelbagai pihak tampil untuk membeli manuskrip tersebut dengan harga yang amat lumayan.

Menurutnya, dia sebelum ini terpaksa menolak tawaran oleh seorang pembeli dari negara jiran kerana mahu ia terus menjadi khazanah negara untuk tatapan generasi akan datang.

"Saya mengambil keputusan untuk menjual semua manuskrip yang diperoleh mendiang bapa saya S. Ramasamy kepada sesiapa yang menawarkan harga tinggi," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Manuskrip perjanjian itu setebal 30 muka surat bertulis tangan yang tertera logo British East India Company pada tahun 1826.

Mani berkata, manuskrip itu menjelaskan tentang pelbagai peristiwa yang berlaku di tiga negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura ketika zaman tersebut.

"Ia meliputi tentang hal-hal berkaitan perdagangan, ketenteraan dan peristiwa bersejarah yang berlaku di ketiga-tiga negeri tersebut



yang telah ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang pada masa itu, John Anderson dan Malacca Resident Councillor, Samuel Garling Esq.," katanya.

Menurut Mani, khazanah berharga itu diperoleh mendiang bapanya melalui seorang kenalan British yang bekerja di Kem Terendak, Sungai Udang pada awal 1960-an.

Sebelum ini katanya, Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) pernah menawarkan untuk membeli manuskrip tersebut tetapi menolaknya kerana harga yang ditawarkan tidak berpatutan.

Selain menyimpan koleksi manuskrip lama, Mani turut menyimpan barangan antik yang lain termasuk duit syiling, jam, perabot, pinggan mangkuk, barangan hiasan daripada tembaga dan lain-lain lagi.